

Pembangunan Korporat

CADANGAN PENSWASTAAN AMFB HOLDINGS BERHAD

Pada 27 Februari 2004, AMMB Holdings Berhad (AHB) mengumumkan cadangan penswastaan AMFB Holdings Berhad (AMFB) melalui pengambilalihan oleh AHB lebih saham biasa di dalam AMFB yang masih belum dimiliki oleh AHB (Cadangan Penswastaan AMFB). Cadangan Penswastaan AMFB melibatkan satu skim pelaksanaan mengikut seksyen 176 Akta Syarikat 1965, di antara AMFB dan para pemegang sahamnya selain daripada AHB.

Cadangan Penswastaan AMFB adalah bahagian penting dalam usaha AHB memenuhi inisiatif khas penggabungan perniagaan perbankan komersial dan syarikat kewangan dalam satu kumpulan perbankan menjadi satu entiti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia. Menurut Pelan Induk Sektor Kewangan yang membenarkan kumpulan perbankan beroperasi sebagai pusat kewangan setempat dan sebagai satu entiti yang memiliki berbilang lesen, rangka kerja perundangan dan peraturan industri perbankan telah diubah baru-baru ini bagi membolehkan penggabungan operasi bank komersial dengan syarikat kewangan menjadi satu entiti dalam kumpulan perbankan dan penubuhan entiti perbankan baru yang dipanggil syarikat perbankan dan kewangan (*banking and finance company*) atau 'Bafin'.

Apabila selesainya Cadangan Penswastaan AMFB, AmFinance Berhad, syarikat kewangan milik penuh AMFB, secara efektifnya akan menjadi subsidiari milik penuh AHB. Ini akan memudahkan penggabungan bank komersial AHB iaitu AmBank Berhad dan AmFinance Berhad menjadi satu entiti dan beroperasi sebagai sebuah pusat kewangan setempat. Dengan pangkalan aset satu entiti yang lebih besar, peningkatan skala operasi dan keupayaan pembiayaan yang lebih baik, bahagian perbankan AHB akan berupaya bersaing dengan lebih efektif di dalam persekitaran yang semakin kompetitif. Sebagai satu entiti, faedah akan diperoleh daripada jualan silang, penggabungan pemprosesan pejabat sokongan dan perasionalan operasi cawangan.



CADANGAN PENYENARAIAAN KUMPULAN PERBANKAN PELABURAN

Selaras dengan Cadangan Penswastaan AMFB, AHB pada 31 Mei 2004 telah mengumumkan cadangan penyenaiaian kumpulan perbankan pelaburannya melalui syarikat yang baru diperbadankan, AmInvestment Group Berhad (Cadangan Penyenaiaian AIGB). Cadangan Penyenaiaian AIGB akan merangkumi perkara berikut:

- a) penyusunan semula dalaman melibatkan pemindahan seluruh kepentingan AHB dalam syarikat komponen AHB yang terlibat dalam operasi perbankan pelaburan kepada AmInvestment Group Berhad (AIGB);
- b) tawaran jualan/terbitan terhad agregat sebanyak 40.0% modal saham diterbitkan diperbesarkan dan berbayar AIGB kepada para pemegang saham AHB, para pengarah AHB, para pengarah dan pekerja AIGB dan/atau subsidiari dan syarikat sekutunya yang ditubuhkan di Malaysia, rakan perniagaan AHB yang menyumbang dalam kejayaan syarikat kumpulan AHB; dan
- c) penyenaiaian seluruh modal terbitan dan berbayar AIGB di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.


Cadangan Penyenaiaian AIGB yang mana merupakan syarat berkait dengan Cadangan Penswastaan AMFB adalah sebahagian daripada usaha berterusan AHB untuk menyelaraskan aktiviti terasnya iaitu perbankan (terdiri daripada perbankan perniagaan dan runcit, perbankan saudagar dan perniagaan syarikat kewangan), pembrokeran saham dan insurans, dan dijangka memberikan pengiktirafan yang lebih tinggi dan meningkatkan nilai pemegang saham. Cadangan Penyenaiaian AIGB juga akan membolehkan AHB mengambil peluang daripada permintaan para pelabur terhadap tawaran awam permulaan yang berkualiti untuk memaksimumkan pulangan pemegang saham dan pada masa yang sama memberikan AHB dana yang diperlukan untuk membiayai Cadangan Penswastaan AMFB.

Cadangan Penyenaiaian AIGB juga akan menyediakan peluang kepada para pemegang saham AHB menyertai ekuiti kumpulan perbankan pelaburan iaitu AIGB dan mendapat faedah daripada sebarang potensi perolehan modal yang terhasil daripada peningkatan nilai AIGB di masa akan datang.

Cadangan Penswastaan AMFB dan Cadangan Penyenaiaian AIGB dijangka dapat diselesaikan menjelang suku terakhir tahun 2004.



Kajian Kewangan Kumpulan



KEUNTUNGAN SEBELUM PENCUKAIAN

TK 2004 : RM358.4 juta (-RM43.7 juta -10.9%)
TK 2003 : RM402.1 juta

Keuntungan sebelum pencukaian yang dicatat oleh Kumpulan adalah lebih rendah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, Perniagaan Perbankan Islam Kumpulan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dan pendapatan yang diperolehi melebihi dua kali ganda kepada RM337.2 juta. Hasilnya, Kumpulan telah mencatatkan kenaikan pindahan kepada akaun rizab persamaan keuntungan sebanyak RM47.9 juta (berbanding dengan RM6.4 juta bagi tahun kewangan (TK) 2003) iaitu keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengekalkan sesuatu tahap pulangan bagi penyimpan-penyimpan deposit. Kedua, pendapatan premium yang lebih tinggi daripada perniagaan insurans Kumpulan iaitu RM445.8 juta bagi TK 2004 (TK 2003 : RM291.8 juta), menghasilkan pindahan yang lebih tinggi kepada dana insurans nyawa sebanyak RM172.8 juta (TK 2003 : RM91.3 juta). Tambahan pula, pertumbuhan yang kukuh dalam perniagaan insurans Kumpulan juga menghasilkan tuntutan yang lebih tinggi sebanyak RM177.8 juta (TK 2003 : RM106.8 juta). Ketiga, tambahan jumlah sebanyak RM182.0 juta dalam yuran

kendalian yang dibayar kepada peniaga-peniaga kenderaan bermotor bagi pinjaman dan pembiayaan sewa beli yang diluluskan dan dikeluarkan selepas 1 Januari 2004 telah dibelanjakan dalam penyata pendapatan bagi TK 2004 akibat perubahan dalam pengolahan perakaunan ke atas yuran kendalian. Yuran yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2004 akan terus dilunaskan sepanjang tempoh pinjaman sewa beli tersebut. Keempat, Kumpulan telah memperuntukkan sebanyak RM37.0 juta amaun penyelesaian di luar mahkamah bagi tindakan undang-undang yang berkaitan dengan tragedi Highland Tower. Dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, keuntungan sebelum pencukaian yang dicatatkan tidak menggambarkan kedudukan sebenar Kumpulan.

Penyumbang terbesar kepada keuntungan sebelum pencukaian Kumpulan bagi TK 2004 ialah perniagaan perbankan pelaburan, diikuti dengan perniagaan perbankan komersil dan runcit dan perniagaan perbankan Islam.


NISBAH-NISBAH KEWANGAN	TK 2003	TK 2004
Pendapatan sesaham – bersih		
- Asas	17.5 sen	14.0 sen
- Tercair sepenuhnya	17.5 sen	13.2 sen
Pulangan selepas pencukaian ke atas purata dana pemegang saham	8.6%	5.9%
Pulangan selepas pencukaian ke atas purata jumlah aset	0.7%	0.7%
Aset ketara bersih sesaham	210.9 sen	205.8 sen
Kadar dividen kasar	3.3%	4.0%
Dividen berbayar/dibayar	RM36.1 juta	RM53.5 juta

PENDAPATAN FAEDAH BERSIH

TK 2004 : RM1,424.8 juta (-RM123.3 juta -7.9%)
TK 2003 : RM1,548.1 juta

Penurunan pendapatan faedah bersih Kumpulan sebanyak 8%, terutamanya disebabkan oleh margin pembiayaan yang rendah walaupun pertumbuhan sederhana dalam pinjaman dan pembiayaan. Tambahan pula, syarikat-syarikat tidak menggunakan sistem perbankan tetapi sebaliknya memasuki pasaran modal hutang secara terus. Dalam tahun 2003, jumlah dana yang dijana dalam pasaran modal hutang berjumlah lebih kurang RM43.0 bilion.

Meninjau ke hadapan, Kumpulan memfokus ke atas meningkatkan kos pendanaannya yang rendah bagi memperbaiki pendapatan faedah bersih.



PENDAPATAN DARIPADA PERNIAGAAN PERBANKAN ISLAM

TK 2004 : RM337.2 juta (+RM187.4 juta +125.1%)
TK 2003 : RM149.8 juta


Aset-aset pembiayaan kasar Kumpulan hampir mencecah dua kali ganda kepada RM6.9 bilion pada TK 2004 (TK 2003 : RM3.7 bilion). Selaras dengan kenaikan tersebut, pendapatan juga mencecah hampir dua kali ganda iaitu RM337.2 juta. Sebanyak RM170.0 juta disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembiayaan, dan bakinya daripada pasaran modal hutang dan operasi-operasi perbendaharaan.


PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

TK 2004 : RM944.7 juta (+RM220.8 juta +30.5%)
TK 2003 : RM723.9 juta


Pertumbuhan dalam pendapatan bukan faedah terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam pendapatan premium sebanyak RM154.0 juta hasil dari perniagaan-perniagaan insurans nyawa dan am. Perniagaan-perniagaan insurans Kumpulan mencatat pendapatan premium sebanyak RM445.8 juta (berbanding dengan RM291.8 juta dalam TK 2003) hasil daripada penjualan produk bersilang dan pembelian produk runcit secara besar-besaran.

Komisen dan yuran brokeraj mencatat hampir dua kali ganda kepada RM74.0 juta bagi TK 2004 berbanding dengan RM35.8 juta bagi tahun kewangan lepas disebabkan oleh peningkatan aktiviti-aktiviti pasaran stok terutamanya untuk setengah tahun kedua bagi tahun 2003. Kumpulan berjaya mengekalkan pendapatan bukan faedah kepada jumlah pendapatan (termasuk pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam) pada 35.0%.





Perbelanjaan Bukan Faedah



Nisbah Overhed Kepada Jumlah Pendapatan

PERBELANJAAN BUKAN FAEDAH

TK 2004 : RM1,484.0 juta (+RM355.5 juta +31.5%)

TK 2003 : RM1,128.5 juta

Kos pekerja merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan bukan faedah, yang merangkumi gaji pekerja, bonus dan manfaat-manfaat telah meningkat sebanyak 11.5% atau RM42.6 juta. Kos pekerja telah meningkat disebabkan oleh Kumpulan menambah tenaga pekerja, terutamanya mereka yang mempunyai kemahiran pakar dan kecekapan yang diperlukan oleh Kumpulan untuk membina berbagai perniagaan utama.

Perbelanjaan pemasaran dan komunikasi meningkat sebanyak RM95.0 juta disebabkan oleh pertumbuhan perniagaan sewa beli, dan pengiklanan am.

Pindahan kepada dana-dana insurans dan tuntutan juga meningkat masing-masing sebanyak RM81.5 juta dan RM71.0 juta disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam premium insurans.

KERUGIAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN DAN PERUNTUKAN

TK 2004 : RM865.6 juta (-RM21.7 juta -2.5%)

TK 2003 : RM887.3 juta

Kumpulan terus mengeneipkan peruntukan bagi pinjaman tidak bergerak, untuk melindungi kerugian pinjaman. Kerugian pinjaman dan pembiayaan dan peruntukan yang lebih rendah disebabkan pemuliharaan hutang lapuk yang lebih tinggi. Bagi TK 2004, Kumpulan mendapat pemuliharaan balik RM296.3 juta iaitu 118.3% lebih tinggi dari pemuliharaan dalam tahun kewangan lepas.

Kumpulan telah memperuntukkan sepenuhnya kemerosotan nilai ke atas amaun yang belum di terima daripada Danaharta yang berkaitan dengan penjualan pinjaman tidak bergerak dalam TK 2004 bernilai RM80.6 juta.



RM JUTA	TK 2003	TK 2004
Peruntukan am	11.4	9.9
Peruntukan tertentu – bersih	869.5	1,066.5
Pelunasan Danaharta	137.8	80.6
Hutang lapuk dihapuskan	4.3	3.7
Hutang lapuk dibayar balik	(135.7)	(296.3)
Kerugian penjualan aset pinjaman	-	1.2
Caj bersih	887.3	865.6

JUMLAH ASET

TK 2004 : RM60,478.6 juta (+RM1,761.9 juta +3.0%)

TK 2003 : RM58,716.7 juta

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih merupakan komponen terbesar dalam jumlah aset iaitu 63.8% daripada jumlah aset bagi TK 2004 (TK 2003 : 64.9%). Walaupun wang tunai dan dana jangka pendek Kumpulan meningkat lebih kurang 59.8% atau RM2.5 bilion, peningkatan ini diimbangi dengan pegangan sekuriti perniagaan yang lebih rendah oleh Kumpulan. Kumpulan menambah sekuriti pelaburannya sebanyak RM765.4 juta atau 13.8% kepada RM6.3 bilion untuk mengambil peluang pendapatan faedah yang menarik yang ditawarkan oleh sekuriti ini.



SEKURITI PERNIAGAAN DAN PELABURAN

TK 2004 : RM10,850.0 juta (-RM1,354.0 juta -11.1%)

TK 2003 : RM12,204.0 juta

Sekuriti perniagaan Kumpulan menurun daripada RM6.2 bilion pada 31 Mac 2003 kepada RM3.8 bilion pada 31 Mac 2004, di mana Kumpulan mengambil peluang untuk mengurangkan pegangannya.


Penurunan yang besar ini diimbangi oleh RM1.0 bilion peningkatan dalam sekuriti pelaburan kepada RM7.0 bilion di mana Kumpulan menambah pegangan sekuriti yang menawarkan kadar hasil yang menarik.

Sekuriti Perniagaan Dan Pelaburan


PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

TK 2004 : RM38,601.1 juta (+RM483.3 juta +1.3%)
 TK 2003 : RM38,117.8 juta



Lebih kurang satu pertiga, atau 33.9% daripada jumlah portfolio pinjaman Kumpulan disumbangkan oleh pembelian kenderaan bermotor, di mana Kumpulan AmBank merupakan pembiaya kenderaan-kenderaan domestik yang terbesar. Segmen yang kedua terbesar dalam portfolio pinjaman ialah pembelian harta tanah kediaman; merangkumi 16.9% daripada jumlah portfolio pinjaman di mana Kumpulan AmBank telah memperolehi bahagian yang besar dalam pasaran pinjaman perumahan. Walaupun pertumbuhan pinjaman runcit adalah kukuh, tetapi ini diimbangi oleh pengecutan dalam pinjaman korporat, kerana pelanggan korporat yang besar terus menerajui pasaran modal hutang.



Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Kasar




Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Kasar - Pendedahan Industri



SUMBER PENDANAAN

Sumber utama pendanaan bagi Kumpulan adalah deposit daripada pelanggan, samada deposit berjangka/pelaburan, deposit simpanan, deposit semasa atau instrumen deposit boleh niaga. Lain-lain sumber pendanaan utama termasuk dana pemegang saham, lain-lain sekuriti berfaedah, pembiayaan antara bank dan lain-lain pinjaman.



DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

TK 2004 : RM33,017.2 juta (+RM1,667.1 juta +5.3%)
TK 2003 : RM31,350.1 juta

Deposit daripada pelanggan merupakan penyumbang utama pendanaan operasi Kumpulan. Seperti tahun kewangan lepas, separuh daripada deposit disumbang oleh individu diikuti oleh syarikat perniagaan yang membentuk 35.9% daripada deposit daripada pelanggan. Lebih daripada 80% daripada deposit ini merupakan deposit yang mempunyai tempoh enam bulan atau kurang.

Walaupun pendanaan Kumpulan kebanyakannya terdiri daripada deposit jangka pendek, pengalaman menunjukkan bahawa pelanggan lazimnya menyimpan kembali deposit mereka apabila tiba tempoh matang, oleh itu menyumbang Kumpulan dengan sumber pendanaan teras jangka panjang yang stabil.




DEPOSIT BANK DAN LAIN-LAIN INSTITUSI KEWANGAN

TK 2004 : RM11,442.8 juta (-RM905.6 juta -7.3%)
TK 2003 : RM12,348.4 juta

Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan jatuh sebanyak 7.3% kepada RM11.4 bilion pada 31 Mac 2004 di mana Kumpulan terus mengembangkan asas deposit runcit dan korporatnya.

Deposit daripada lain-lain institusi kewangan, adalah terutamanya deposit daripada institusi bukan bank seperti syarikat insurans, dana pesara dan institusi kewangan pembangunan.



KECAIRAN

Kecairan merujuk kepada kemampuan menampung operasi hariannya pada kos yang munasabah. Pengurusan kecairan Kumpulan terutamanya menumpukan perhatian terhadap keupayaan Kumpulan untuk membiaya komitmennya yang termasuk pembayaran deposit atas permintaan atau pada tarikh matang kontrak, pembayaran balik pinjaman yang matang, bayaran manfaat polisi insurans, tuntutan dan penyerahan, pembayaran perbelanjaan operasi dan pencukaian, pembayaran dividen kepada para pemegang saham, dan kemampuan untuk membiayai komitmen pinjaman yang sedia ada dan yang baru.

Polisi pengurusan risiko kecairan Kumpulan memfokus ke arah pengurusan aliran wang tunai, keupayaan pendanaan antara bank dan pengurusan aset kecairan yang cukup bagi memenuhi kewajipan di dalam keadaan yang normal dan juga yang buruk dan mengambil kesempatan ke atas peluang pelaburan dan pembiayaan yang timbul.

Syarikat-syarikat subsidiari perbankan dan insurans Kumpulan AmBank telah mematuhi Rangka Kerja Kecairan Bank Negara Malaysia dan polisi pengurusan risiko kecairan dalaman.


PENGURUSAN MODAL

Falsafah pengurusan modal yang utama ialah memberi pulangan yang efisien ke atas modal yang berkaitan dengan risiko yang terlibat. Kumpulan memantau kedudukan kecukupan modal dan keadaan pasaran bagi menentukan masa dan keperluan bagi menjana modal tambahan. Kumpulan secara tradisional bergantung kepada keuntungan tidak diagihkan untuk mendapatkan sumber modal bagi pertumbuhan dasar asetnya, terbitan hak hanya dilaksanakan apabila pengembangan perniagaan dijangka kukuh. Kumpulan juga mempelbagaikan sumber modalnya dan bergantung kepada instrumen hibrid yang layak dan instrumen hutang bersubordinat berjangka panjang yang mengandungi, antara lain, faedah tertunda dan fungsi penyerapan kerugian. Ini adalah untuk memastikan bahawaimbangan yang optima dikecapi antara pulangan atas pelaburan pemegang-pemegang saham dan satu tahap pemodal yang berhemat.

DANA PEMEGANG SAHAM

TK 2004 : RM4,107.5 juta (+RM643.8 juta +18.6%)
TK 2003 : RM3,463.7 juta

Pertambahan dalam dana pemegang saham Kumpulan sebanyak 18.6% kepada RM4.1 bilion pada 31 Mac 2004 (TK 2003 : RM3.5 bilion) berpunca terutamanya daripada terbitan hak berjumlah RM333.8 juta, keuntungan tidak diagihkan sebanyak RM223.7 juta dan terbitan saham-saham baru di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja dan pelaksanaan waran berjumlah RM122.5 juta.




	AHB	AmMerchant	AmFinance	AmBank
TK 2003	12.8%	14.7%	10.8%	12.9%
TK 2004	12.8%	16.1%	11.2%	12.0%

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Hasil daripada perkembangan aset berwajaran risiko sebanyak RM45.8 bilion pada 31 Mac 2004 (TK 2003 : RM45.1 bilion), nisbah modal teras dan nisbah modal berwajaran risiko Kumpulan masing-masing mencatat pada 8.33% dan 12.75% pada 31 Mac 2004.

Meninjau ke hadapan, nisbah kecukupan modal pada 12.75% jika dibanding dengan keperluan minima pada 8.0%, Kumpulan berada pada kedudukan yang baik bagi mengambil peluang ke atas pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi memperluaskan lagi rangkaian perkhidmatan kewangan dan produk yang ditawarkan.



MODAL TAHAP DUA

TK 2004 : RM2,023.8 juta (+RM66.5 juta +3.4%)
TK 2003 : RM1,957.3 juta

Modal tahap dua meningkat sebanyak 3.4% atau RM66.5 juta terutamanya disebabkan oleh penerbitan RM660.0 juta bon boleh tebus dan tidak bercagar bersubordinat di mana RM460.0 juta telah digunakan untuk membiayai semula pinjaman modal bersubordinat boleh tukar daripada Danamodal Nasional Berhad bagi jumlah yang sama untuk bank komersil Kumpulan dan selebihnya sebanyak RM200.0 juta telah digunakan untuk menambah dana modal AmFinance. Jumlah dana modal Kumpulan adalah sebanyak RM5.8 bilion.

JUMLAH PEKERJA DAN RANGKAIAN CAWANGAN

Tenaga pekerja dan rangkaian cawangan Kumpulan masing-masing mencatat 8,776 (TK 2003 : 8,285) dan 207 (TK 2003 : 219) pada 31 Mac 2004.

	TK 2003	TK 2004
Jumlah pekerja	8,285	8,776
Rangkaian cawangan	219	207
ATM	223	238
Pusat Perbankan Elektronik	7	15

